

MEMBINA BANGSA MALAYSIA



5
M

disunting oleh

Aida Idris & Abu Hassan Hasbullah





PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Membina Bangsa Malaysia



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Strategic Information and Research Development Centre (SIRD) adalah sebuah badan penerbit bebas yang ditubuhkan pada Januari 2000 di Petaling Jaya, Malaysia. Penerbitan **SIRD** merangkumi pelbagai bidang pengajian ilmu seperti pengajian Malaysia dan Asia Tenggara, pengajian gender, sains sosial, politik, ekonomi dan hubungan antarabangsa. Buku terbitan kami juga sesuai untuk semua lapisan masyarakat khususnya komuniti ilmunan, pelajar, badan bukan kerajaan (NGO), pembuat polisi, dan masyarakat awam.

SIRD juga mengedarkan buku (melalui cabang organisasinya; **GB Gerakbudaya Enterprise Sdn Bhd**) terbitan cendekiawan dan institusi-institusi penerbitan, NGO-NGO, dan penerbit-penerbit bebas yang lain. Selain itu, kami juga menganjurkan seminar, forum dan diskusi berkumpulan. Kami percaya, semua ini adalah bermanfaat untuk pembangunan dan penggabungan gagasan pemikiran kebebasan awam dan demokrasi.

Membina Bangsa Malaysia

disunting oleh

Aida Idris

Abu Hassan Hasbullah

PUSTAKA PERDANA



1009697

Strategic Information and Research Development Centre,
Petaling Jaya



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Hakcipta © 2012 Aida Idris dan Abu Hassan Hasbullah

Diterbitkan pada tahun 2012 oleh
Strategic Information and Research Development Centre
No 11, Lorong 11/4E, 46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
Email: sird@streamyx.com
Website: www.gerakbudaya.com

Hak cipta terpelihara. Tidak boleh menyalin apa jua kandungan buku ini dengan apa pun bentuk dan cara-elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia Cataloguing-in-Publication Data

Membina bangsa Malaysia / disunting oleh Aida Idris dan Abu Hassan
Hasbullah
ISBN 978-967-5832-46-8

1. Malaysia–Social conditions.
 2. Malaysia–Economic conditions.
 3. Malaysia–Politics and government.
 4. Malaysia–Social life and customs.
- I. Aida Idris.
959.5

Atur huruf dan reka bentuk kulit buku oleh Janice Cheong

Dicetak oleh Vinlin Press Sdn Bhd
2, Jalan Meranti Permai 1,
Meranti Permai Industrial Park,
Batu 15, Jalan Puchong,
47100 Puchong, Selangor, Malaysia.

959.5
MEM



KANDUNGAN

<i>Kata Pengantar</i>	vii
<i>Nota Editor</i>	ix
Undang-undang dan Masyarakat	1
▪ <i>Abdul Aziz Bari</i>	
Media, Teknologi Maklumat dan Cabaran Semasa	31
▪ <i>Ooi Heng</i>	
Ekonomi dalam Era Globalisasi: Meninjau Kesan Dasar dan Nilai	65
▪ <i>Aida Idris</i>	
Merakyatkan Seni-budaya	99
▪ <i>Dinsman</i>	
Pemuda Khalifah atau Boneka	129
▪ <i>Abu Hassan Hasbullah</i>	
Menjana Modal Insan: Suatu Pendekatan Holistik	161
▪ <i>Syed Ibrahim Syed Noh</i>	
<i>Indeks</i>	195





PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

KATA PENGANTAR

Pada tahun 1991, Perdana Menteri Keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah mengumumkan hasrat Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Cita-cita ini kemudian disebut dan diwartakan sebagai Wawasan 2020. Prinsip asas Wawasan 2020 ialah membangunkan masyarakat Malaysia yang bersatu-padu, beretika dan makmur melalui kepimpinan adil dan terbuka. Secara ringkas, keutamaannya adalah jelas untuk membina Malaysia sebagai sebuah bangsa.

Selepas krisis 1997-1998, konsep serta pengisian Wawasan 2020 kurang dibincangkan, terutama sekali kerana kadar pertumbuhan ekonomi telah menjunam pada tahun 1998 sebelum meningkat sedikit kepada paras yang jauh lebih rendah dari kadar purata sepanjang tempoh 1988-1997. Peningkatan ini juga telah dipertikaikan banyak pihak kerana ia sebenarnya dipacu oleh perbelanjaan kerajaan yang menggantikan pelaburan swasta. Namun beberapa perubahan yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri sekarang, Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak, dianggap sebagai langkah-langkah baharu untuk menghidupkan semula usaha memodenkan Malaysia dan membolehkan tanahair mengharungi abad ke 21. Oleh yang demikian, buku ini merupakan sumbangan penting kepada perbahasan tentang masa depan watan kita semua.

Hasil kolaborasi enam orang penulis akademik dan bukan-akademik, buku ini merupakan suatu usaha untuk merapatkan jurang komunikasi antara dua segmen masyarakat tersebut. Ia mengupas cabaran dan hala-tuju rakyat Malaysia dalam membina identiti sebagai sebuah bangsa dari pelbagai aspek kenegaraan. Aziz Bari memberi analisa kritikal tentang undang-undang, hak asasi manusia dan demokrasi sementara kebebasan media dan maklumat serta potensi

teknologi baharu dibicarakan oleh Ooi Heng. Aida Idris merumuskan perkembangan serta masa depan ekonomi manakala Dinsman merenung perkembangan seni-budaya dari perspektif seorang aktivis. Permasalahan kepimpinan remaja dalam masyarakat multi-etnik ditinjau oleh Abu Hassan Hasbullah, dan akhir sekali Syed Ibrahim Syed Noh membincangkan suatu pendekatan holistik mengenai modal insan dan pembangunan sumber manusia.

Diharap penerbitan buku ini akan mencetuskan perbincangan yang sihat dan konstruktif untuk memajukan tanahair dan membina bangsa Malaysia, terutamanya dalam situasi di mana terdapat usaha di kalangan sesetengah pihak untuk memecah-belahkan perpaduan bangsa. Sememangnya, tanpa perbincangan yang jujur lagi terbuka, agak sukar bagi kita maju bersama. Dalam konteks tersebut, buku *Membina Bangsa Malaysia* ini mempunyai potensi yang baik kerana ia merupakan suatu sumbangan ikhlas ke arah matlamat yang murni.

Profesor Dr. Jomo KS
New York, Amerika Syarikat

